

**PERSEMBERAHAN UCAPAN  
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM  
NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
SEMPENA  
MAJLIS BERBUKA PUASA WARGA UMP  
BERSAMA  
KEBAWAH DULI YANG TERAMAT MULIA TENGKU MAHKOTA PAHANG  
PADA HARI RABU, 8 JUN 2016, PUKUL 6.00 PETANG  
DI DATARAN PUSAT AKTIVITI PELAJAR, UMP PEKAN**

---

**SALUTASI DIRAJA**

*Bismillahirrahmanirrahim,*

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,*

*dan Ramadhan Kareem.*

Menghadap:

Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang  
Tengku Abdullah al-Haj ibni Sultan Haji Ahmad Shah al-Musta'in  
Billah;

Menghadap:

Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang  
Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti al-Marhum  
Sultan Iskandar al-Haj;

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,  
Sembah patik mohon diampun.

### **SERU BUKAAN**

1. Dengan penuh hormat dan takzimnya, patik dan warga Universiti Malaysia Pahang menyembahkan semulia-mulia ucapan menjunjung kasih atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tuanku berdua ke Majlis Berbuka Puasa Bersama Warga UMP pada petang 3 Ramadhan 1437 Hijrah yang barakah ini.

2. Sesungguhnya, keberangkatan Kebawah Duli Tuanku menambahkan lagi seri majlis pada petang ini. Dalam kemurnian suasana Ramadhan, majlis ini menyuburkan lagi silaturahhim antara Kebawah Duli Tuanku sebagai Canselor UMP dengan pihak pengurusan, warga kerja dan mahasiswa Universiti ini.
3. Majlis ini juga amat bermakna buat patik sekalian kerana menyaksikan keberangkatan yang julung-julung kalinya oleh Kebawah Duli Tuanku sejak pelancaran rasmi kampus UMP Pekan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada 21 Februari 2016 yang lalu.
4. Sukacita patik menyembah maklum ke sisi pengetahuan Kebawah Duli Tuanku bahawa operasi pentadbiran utama Universiti ini telah berpindah secara rasmi dari UMP Kampus Gambang ke UMP Pekan pada 2 November 2015.

5. Operasi kampus UMP Pekan ini telah bermula secara berperingkat sejak 27 Jun 2009 lagi dan kini menempatkan tiga buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan dengan kapasiti semasa 2,000 mahasiswa. Dengan siapnya Bangunan Kompleks Pentadbiran Utama, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan serta Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi yang bernilai RM 123 juta, maka perpindahan operasi pentadbiran pada 2 November 2015 tersebut berjalan lancar.
  
6. Di bawah naungan Kebawah Duli Tuanku selaku Canselor Universiti ini, patik dan pihak pengurusan serta Lembaga Pengarah Universiti telah, sedang dan akan mengenalpasti projek-projek yang berkenaan bagi terus membangunkan dan meningkatkan guna tanah di tapak UMP Pekan ini.
  
7. Semua ini diatur gerak berdasarkan kerangka Pelan Strategik UMP 2016-2020 serta agenda semasa Kerajaan Persekutuan dalam kerangka Rancangan Malaysia Ke-11 dan Bajet 2016.

## **MENGIMARAH RAMADHAN DAN KAMPUS**

8. Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,

Sembah patik mohon diampun,

Sukacita patik menyembah maklum ke sisi pengetahuan  
Kebawah Duli Tuanku bahawa selain kehadiran warga kerja  
dan mahasiswa kanan, majlis ini juga turut dihadiri oleh para  
mahasiswa baharu UMP dari kalangan lepasan Sijil Pelajaran  
Malaysia yang mendaftar bagi program diploma pada 28 Mei  
2016 yang lalu.

9. Memandangkan keseluruhan musim peperiksaan bagi Semester 2, Sesi Akademik 2015/2016 untuk mahasiswa kanan dan hampir separuh tempoh pengajian para mahasiswa baharu ini bagi Semester Pendek mulai bulan Jun hingga Ogos 2016 ini melalui bulan Ramadhan, maka pelbagai inisiatif dan aktiviti telah diatur buat mereka.

10. Untuk itu, Pusat Islam & Pembangunan Insan atau PIMPIN telah dipertanggungjawabkan oleh pihak pengurusan untuk mengelolakan program Festival Ramadhan bagi mengimarahkan bulan yang mulia ini di UMP Pekan dan UMP Kampus Gambang.
11. *Alhamdulillah*, dengan penyertaan pelbagai peringkat warga kerja dan mahasiswa, aktiviti-aktiviti yang mengisi program Festival Ramadhan 1437 Hijrah ini dapat dilangsungkan dengan jayanya untuk manfaat semua.
12. Ini termasuklah aktiviti rewang untuk jamuan ifthar jama'ie secara bergotong-royong oleh staf dari pelbagai pusat tanggungjawab mengikut giliran hari mulai 1 Ramadhan hingga 26 Ramadhan di UMP Pekan dan UMP Kampus Gambang.

13. Sukacita patik menyembah maklum ke sisi pengetahuan Kebawah Duli Tuanku bahawa keseluruhan perbelanjaan tersebut dibiayai oleh Tabung Ramadhan UMP berjumlah RM 90,000 melalui inisiatif *Mygift* UMP hasil sumbangan tunai warga Universiti ini serta tajaan oleh para dermawan.
14. Selain aktiviti solat sunat terawih, sahur, ifthar jamai'e dan moreh, Festival Ramadhan kali ini turut diisi dengan program Kayuhan Mesra Rakyat, Bubur Lambuk @ RTC Kuala Pahang, Anda Tanya Ustaz Jawab, Jejak Asnaf dan Singgah Sahur @ SOGO.
15. Justeru, adalah menjadi harapan patik dan pihak pengurusan supaya lebih ramai lagi dermawan dari kalangan orang perseorangan dan badan korporat untuk tampil menghulurkan sokongan dan sumbangan kewangan terhadap inisiatif *Mygift* ini yang turut meliputi Endowmen Kursi, Biasiswa Pelajar, Makmal/Kemudahan serta Tabung Wakaf, Komuniti, Masjid, Bencana, Ramadhan dan Sumbangan Tidak Patuh Syariah.

## **KEPRIHATINAN BERTERUSAN TERHADAP KEBAJIKAN MAHASISWA**

16. Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,  
Sembah patik mohon diampun;  
  
Agenda pengisian Ramadhan sebagaimana yang patik sembahkan sebentar tadi membuktikan komitmen tinggi warga Universiti ini, sama ada staf mahu pun mahasiswa terhadap aktiviti-aktiviti bercorak amal dan kebajikan.
17. *Alhamdulillah*, komitmen tersebut tidaklah hanya terserlah sepanjang bulan Ramadhan, tetapi berterusan sifatnya sepanjang tahun.
18. Dalam konteks cabaran kebajikan pelajar pula, sebelum isu mahasiswa lapar menjadi polemik nasional pada akhir tahun 2015 dan awal tahun ini, UMP telah pun memulakan inisiatif-inisiatif yang konstruktif bagi maksud kesejahteraan mahasiswa.

19. Sukacita patik menyembah maklum ke sisi pengetahuan Kebawah Duli Tuanku bahawa antara inisiatif tersebut ialah Program Kongsi Rezeki yang menawarkan set makan tengah hari kepada mahasiswa dengan harga serendah RM 1.00 semasa musim peperiksaan, iftar jamai'e dalam bulan Ramadhan, kupon makanan, pengagihan zakat dan pelbagai bantuan lain yang diusahakan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) untuk meringankan beban pelajar.
  
20. Pada masa yang sama, peluang kerja sambilan dan aktiviti keusahawanan turut terbuka luas di UMP bagi membantu para mahasiswa menjana pendapatan sampingan.
  
21. Bagi maksud meringankan beban para mahasiswa juga, patik dan pihak pengurusan UMP turut menjunjung kasih atas limpah perkenan Kebawah Duli Tuanku mengurniakan bantuan zakat Majlis Ugama Islam & Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) kepada pelajar UMP dalam majlis ini.

22. Sukacita patik menyembah maklum juga bahawa selain kurniaan bantuan zakat MUIP, turut akan disampaikan dalam majlis ini ialah bantuan kewangan kepada pelajar yang telah diluluskan oleh Lembaga Pemegang Amanah *Mygift* UMP.
23. *Insya-Allah*, berkat doa dan sokongan semua pihak serta semangat Ramadhan, lebih banyak lagi inisiatif yang berkaitan dapat direalisasikan bagi manfaat warga UMP dan masyarakat dan semoga usaha murni tersebut terhitung sebagai amal jariah di sisi Allah Ta'ala.

### **ALU-ALUAN KEPADA DIF-DIF**

24. Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,  
Sembah patik mohon diampun;  
  
Patik mohon ampuni limpah perkenan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tuanku bagi patik merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada tetamu-tetamu yang hadir:

- Yang Amat Mulia Paduka-paduka Anakanda Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang;
- Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan Yang Amat Berbahagia Datin Sri Diraja;
- Yang Amat Dihormat Orang Kaya Indera Pahlawan dan Yang Amat Berbahagia Tok Puan Indera;
- Yang Hormat Pengurus Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Pahang dan Yang Berbahagia Datin;
- Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pahang;
- Yang Berbahagia Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Pahang;
- Yang Hormat Dato'-Dato' dan Yang Berbahagia Datin-datin;

- Tuan-tuan dan puan-puan, warga kerja dan mahasiswa UMP yang dikasihi.

## **SEMBAH PENUTUP**

25. Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,  
Sembah patik mohon diampun,

Sekianlah sahaja persembahan ucapan patik pada malam ini.  
Patik merafak sembah memohon ampun dan maaf jika ada terdapat kesilapan tutur bicara di dalam persembahan ucapan patik sebentar tadi.

26. Selanjutnya patik berdoa ke hadrat Allah Taala moga-moga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang; Duli Yang Maha Mulia Sultanah Pahang Sultanah Hajjah Kalsom; Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang; Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang; Yang Amat Mulia Paduka-paduka Anakanda Putera dan Puteri serta Yang Mulia Paduka-paduka Cucunda Putera dan Puteri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang sentiasa di dalam aman sentosa, sihat walafiat serta dilanjutkan usia.  
*Amin.*

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,  
Sembah patik mohon Diampun;  
*Wabillahi taufiq walhidayah,*  
*wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*